




AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS)
TARIKH	:	26/4/2017
JABATAN	:	EARTH DAY / JAS
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Hari Bumi sifar buangan



PROGRAM Recycle to Cycle diadakan bertujuan mempromosi kitar semula dan berbasikal dalam kampus di UPM.

EMPENA menyambut Hari Bumi pada tahun 2017, satu pelancaran program kitar semula di universiti awam yang dikenali sebagai *Recycling@U* telah dilancarkan oleh Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang baru-baru ini.

Pelancaran program tersebut ialah bagi melaksanakan satu inisiatif baharu kesinambungan kepada program *Recycle to Cycle* yang diadakan di universiti berkenaan sejak 2013.

Kali ini melibatkan universiti awam terpilih iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan UPM. Universiti terpilih diberikan satu pusat kitar semula untuk memulakan satu kempen yang berkesan tentang gaya hidup kitar semula dalam kampus.

Seorang pakar alam sekitar tempatan, **Dr. Ahmad Ismail** berkata, budaya kitar semula dalam kampus diharapkan akan berturan apabila siswazah mengemulkannya di tempat kerja dan komuniti mereka nanti. Program *Recycling@U* ini ditaja oleh Coca-cola Malaysia sebagai meneruskan tajuan mereka bagi aktiviti *Recycle to Cycle* di UPM sebelumnya.

“Sempena Hari Bumi tahun ini dengan tema *Pendidikan Alam Sekitar dan Iklim* menekankan pentingnya pendidikan terutama pelajar sekolah dan universiti di seluruh dunia”, ujarnya. Beliau berkata, status dasar alam sekitar Malaysia misalnya mestilah mantap dan jelas strategi pelaksanaannya.

“Daripada apa yang sedang ditunjukkan oleh masyarakat Malaysia sekarang nampak seperti dasar kerajaan belum lagi cukup berkesan.

“Walaupun telah banyak usaha dilakukan dari segi, dasar dan strategi, undang-undang dan penguatkuasaan, perancangan dan pelaksanaan pembangunan serta pendidikan dan promosi tentang alam sekitar dari segi penjagaan alam sekitar, kebersihan, kesihatan manusia dan alam sekitar serta perlindungan alam semula jadi.

Menurut beliau lagi, laporan kajian literatur yang diterbitkan dalam *Life Science Journal* pada tahun 2012 tentang pengetahuan, kesedaran, dan sikap terhadap aspek alam sekitar dalam sistem pendidikan Malaysia serta cabaran berkitan, menunjukkan kita masih lagi mempunyai jurang yang besar antara faktor tersebut atas dengan kearah amalan penjagaan alam sekitar yang baik. “Banyak perkara lagi perlu dibuat tentang pendidikan alam sekitar di Malaysia secara bersepadu dan sistematis.”

“Dalam hal ini, guru sangat penting bagi membantu meningkatkan pengetahuan dan kesedaran serta jurang kesedaran dalam kalangan masyarakat awam. Guru yang baik dengan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi akan memberikan pendidikan yang lebih efektif.

Namun faktor kewangan sangat penting bagi menajayakan hasrat berkenaan,” kata beliau lagi. Dalam meneruskan pendidikan abad ke-21 dan menyediakan masyarakat negara maju Malaysia dan Transformasi Nasional 2050 (TN50), isu pendidikan alam sekitar dan kelestariannya mestilah mantap.

Menurusi Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1971-1990, Malaysia merancang membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menghapus pengegalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Program telah berjalan dengan baik walaupun gangguan terhadap alam sekitar terus berlaku.

Kesungguhan kerajaan membangun Malaysia berturan melalui Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju mengikut acuan sendiri melalui program 30 tahun dari 1991 hingga 2020. Seiring dengan pembangunan ke arah sebuah negara maju kerajaan

memperkenalkan berbagai-bagai pendekatan bagi menjaga alam sekitar kita.

Menurusi program baharu Transformasi Nasional 2050 (TN50) selama 30 tahun dari 2021-2050, kerajaan ingin menjadikan Malaysia sebuah negara 20 teratas dalam pembangunan ekonomi, kemajuan sosial dan inovasi. Program TN 50 akan dibangunkan mengikut aspirasi rakyat. Kepercayaan kepada rakyat untuk memberikan pandangan kepada TN50 kerana kerajaan beranggapan bahawa rakyat Malaysia sudah mempunyai pengetahuan dan pengedaran asas tentang sebuah negara maju, taraf ekonomi yang mampu berubah dan mempunyai wawasan yang jelas serta mampu merancang untuk 30 tahun akan datang.

Kemudahan melalui media komunikasi semasa meyakinkan kerajaan kepada rakyat membuat keputusan. Justeru itu pendidikan perlu dimantapkan. Apabila kita melihat kepada kesejahteraan rakyat masa hadapan maka isu pendidikan alam sekitar dari iklim mesti diperkasa. Pengetahuan dan kemahiran guru mesti dipertingkatkan secara lebih agresif sebagai satu usaha untuk membentuk masa depan Malaysia bagi tempoh 2021



AHMAD ISMAIL

hingga 2050. Dari sebuah negara maju, kita harus memyasar untuk menjadi antara negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi. Oleh kerana pendidikan alam sekitar adalah kritikal dan merupakan kunci utama dalam penjagaan alam sekitar maka menjadi tanggungjawab semua orang mesti bersama membantu dalam usaha pendidikan alam sekitar. Walaupun di Malaysia sudah mempunyai komponen alam sekitar dalam sistem pendidikan tetapi kajian, ubah suai dan tindakan segera perlu dilakukan bagi memastikan pendidikan berkesan dan masyarakat Malaysia seluruhnya mengamalkan budaya yang sihat berkaitan kebersihan alam sekitar.

Kenapa pendidikan alam sekitar dan iklim sangat diperlukan? Kita selalu membaca dan berbincang tentang kesan alam sekitar dan perubahan kepada kepelbagaian

biologi, kesan gas rumah hijau akibat aktiviti manusia dan tapak pelupusan sampah. Tapak pelupusan sampah juga memberikan kesan kepada kesihatan manusia melalui pencemaran air dan udara.

Kempen yang dilakukan bagi mengurangkan kesan kepada isu alam sekitar ialah mengamalkan kitar semula dan buangan sifar (*zero waste*). Bagaimana kita boleh amalkan buangan sifar dalam kehidupan kita seharian? Mungkin kita mesti faham apa yang berlaku kepada bumi dan penghuninya. Dengan kefahaman itu mereka akan faham, mempunyai kesedaran, sentiasa beringat dan mengamalkannya. Kita tiada pilihan lain lagi selain daripada mengelakkan daripada membenarkan sampah ke tapak pelupusan sampah dan sampah berada di mana-mana.

AKTIVITI
seperti ini sangat berfaedah di samping memamfaat musim cuti.

